

Headline	RM3.7 juta bantu nelayan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	18 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	2
ArticleSize	232 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,542		



RM3.7 juta bantu nelayan

LANGKAWI 17 Feb. - Kehadiran Datuk Seri Najib Tun Razak bertemu dengan komuniti nelayan di sini hari ini ternyata membawa rahmat untuk mereka apabila beliau mengumumkan dua projek bernilai RM3.7 juta yang bakal memberi keselesaan kepada golongan tersebut.

Dengan menerima tepukan gemuruh daripada kira-kira 1,000 nelayan yang hadir, Perdana Menteri mulanya mengumumkan pembinaan sebuah jeti nelayan baharu di Kuala Teriang, dekat sini yang menelan belanja RM500,000.

Beliau kemudiannya sekali lagi membuatkan keadaan menjadi gamat apabila meluluskan pula permohonan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) supaya dibina pemecah ombak tambahan sepanjang 100 meter di kawasan tambatan bot nelayan, Jeti Cenang dengan peruntukan sebanyak RM3.2 juta.

"Pembinaan jeti di Kuala Teriang itu akan memberi manfaat kepada 310 nelayan yang menggunakan kira-kira 120 sampan di situ manakala kelulusan untuk membina pemecah ombak tambahan itu pula dibuat setelah menerima maklumat menyatakan ada kalanya ombak terlalu kuat se-

hingga menyebabkan bot nelayan terumbang ambing.

"Saya berharap semua ini dapat terus memberi semangat dan sokongan kepada para nelayan di sini.," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Sepetang Bersama Nelayan dan Penyerahan Lampu Jalan Kampung (LJK) 2017 Peringkat Nasional di Jeti Nelayan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Cenang di sini hari ini.

Mengulas mengenai Projek Lampu Jalan Kampung yang dilancarkannya itu, Perdana Menteri berkata, projek tersebut akan dijalankan di bawah KKLW bersama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) selaku agensi pelaksana.

"Inisiatif yang dibangunkan dengan peruntukan kerajaan sebanyak RM100 juta ini membolehkan penduduk menikmati manfaat. Alhamdulillah di Kedah sebanyak 8,086 unit lampu jalan kampung dipasang dengan kos pemasangan sebanyak RM6.12 juta di kesemua 15 Parlimen," katanya.

Beliau turut mengulangi komitmen bahawa kerajaan tidak akan sekali-kali menarik balik status bebas cukai dari pulau legenda ini.



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan replika cek kepada Pengerusi Persatuan Nelayan Langkawi, Mahadzir Ibrahim di majlis Sepetang Bersama Nelayan dan majlis penyerahan Lampu Jalan Kampung (LJK) peringkat nasional di Jeti Nelayan LKIM Sungai Cenang, Langkawi, semalam.